



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 5 MAC 2025**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	'CAMPUR BERAS NI DAH LAMA', DEWAN RAKYAT, HM -17 'BERAS CAMPUR BAGI PENUHI CITA RASA PENGGUNA', NASIONAL, SH -5 CAMPUR BERAS TEMPATAN, IMPORT SEJAK 1970-AN LAGI, NASIONAL, BH -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	HASIL HARUMANIS MEROSOT 30 PERATUS AKIBAT HUJAN, DALAM NEGERI, UM -11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	TIMBUS KAEDAH TERBAIK LUPUS IKAN BANDARAYA, NASIONAL, BH -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	PADI FARMERS LOSE RM250k TO SALT WATER, NATION, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sidang Dewan Rakyat

# Campur beras tempatan, import sejak 1970-an lagi

**Mekanisme kawal campuran dapat sokongan MyCC sebagai kaedah tangani masalah bekalan**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tindakan mencampurkan beras tempatan dan import berlaku sejak 1970-an lagi selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), bukannya baru berlaku ketika pentadbiran kerajaan sekarang. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata dapatnya diperolehi hasil kajian dijalankan Suruhanjaya Peralangan Malaysia (MyCC) ke atas industri padi dan beras sejak awal 2024.

Hasil kajian itu, MyCC juga merumuskan tujuan campuran ini adalah memenuhi cita rasa pengguna tempatan serta untuk menghasilkan variasi, jenama di pasaran.

"Hasil kajian berkenaan sudah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 2/2024 pada 17 Disember 2024.

"Susulan Mesyuarat JKKMN dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diarahkan supaya memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengawal percampuran berat putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) melalui perundingan.

"Serta merangka simulasi cadangan penetapan harga yang berkesesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Muslimin Yahya (PN-Sungai Besar), yang mahu tahu ke mana perginya beras tempatan untuk rakyat sedangkan keluasan sawah negara lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih 2.4 juta tan padi semusim.

## Mekanisme di-sokong MyCC

Belliau berkata, mekanisme bagi mengawal campuran turut mendapat sokongan MyCC sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

Media bulan lalu melaporkan, kira-kira 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) disahkan bercampur dengan BPT.

Pegawai Penyelidik Kanan Biologi Sains (Genetik) Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Na-



Mohamad pada sesi jawab lisan pada sidang Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

noteknologi MARDI, Mohd Shiril, Firdaus Ab Razak, berkata

"Penyelarasan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kecekapan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada bekalan dan harga beras," katanya.

Katanya, kerajaan juga bersejaja mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyelarap sebahagian kos pengeluaran BPT sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan mulai 1 Mac hingga 31 Ogos depan bagi memastikan keberadaan bekalan sebanyak 24 juta kantung BPT 10 kilogram secara berperingkat di pasaran.

Justeru, kata beliau, pada 13 Februari lalu, dua langkah diumumkan kerajaan sebagai usaha awal memastikan keseimbangan dalam industri iaitu menyelaraskan harga lanrai belian padi daripada RM1,300 kepada

5/3/2025

HARIAN

DEWAN

17

METRO

RAKYAT

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bhc.com.my

### Kuala Lumpur

A malan mencampurkan beras tempatan dan import ras berlaku sejak 1970-an selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) iaitu di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu dan bukan ketika pemerintahan kerajaan sekarang.

**Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu** berkata, dapatan itu diperoleh hasil kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ke atas industri padi dan beras sejak awal 2024.

Beliau berkata, MyCC bermaksudkan tujuan pencampuran ini demi memenuhi cita rasa pengguna tempatan serta untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran.

"Hasil kajian berkenaan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatan Kuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKM) Bilangan 2 2024 pada 17 Disember 2024.

"Susulan Mesyuarat JKMM dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024, Kementerian

# 'Campur beras ni dah lama'

## Amalan campur BPT, BPI berlaku sejak 1970-an demi cita rasa pengguna

Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diarahkan memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik mengawal pencampuran beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) melalui perundingan.

"Serta merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri," katanya.

Mohamad berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar)** yang bertanyakan ke mana perginya BPI sedangkan keluasan sawah padi negara lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih 2.4 juta tan metrik padi semusim.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, mekanisme bagi mengawal pencampuran turut mendapat sokongan MyCC sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

Menurutnya, berdasarkan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (AKA 522) dan perundangan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan khusus yang jelas bagi pendakwaan di mahkamah mengenai kesalahan percampuran beras.

Justeru ka-

ta beliau, pada 13 Februari lalu, dua langkah diumumkan kerajaan sebagai usaha awal memastikan keseimbangan dalam industri iaitu menyelaraskan harga lantai beli-padi pada RMI300 ke atas dan RMI1,500 bagi setiap tan metrik berkuat kuasa 16 Februari 2025.

"Penyelarasan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kepada kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada bekalan dan harga beras di pasaran," katanya.

Selain itu, katanya kerajaan juga bersetuju mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran BPT sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan mulai 1 Mac hingga 31 Ogos depan bagi memastikan keberadaan bekalan sebanyak 24 juta kampil BPT 10 kilogram secara berperingkat di pasaran.

"Langkah ini untuk membantu rakyat terutama golongan berpendapatan rendah mendapat bekalan beras pada harga bertepatan dan seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup mereka," katanya.

Media bulan lalu melaporkan, 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) disahkan bercampur dengan BPT.



# 'Beras campur bagi penuhi cita rasa pengguna'

Mohamad berkata kajian mendapati tindakan itu berlaku sejak tahun 1970-an lagi

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN KUALA LUMPUR

tindakan itu berlaku sejak tahun 1970-an lagi selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). "Kajian MyCC juga merumuskan tujuan campuran ini adalah memenuhi cita rasa pengguna tempatan serta untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran," katanya menerusi jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar), yang ingin tahu ke mana perginya beras tempatan untuk rakyat sedangkan keluasan sawah negara adalah lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih daripada 2.4 juta tan metrik padi semusim.

Menurut Mohamad, kajian berkenaan sudah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMIN) Bilangan 2 2024 pada 17 Disember 2024. Katanya, KPKM telah diarahkan



MOHAMAD

supaya memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengawal percampuran BPT dan beras import melalui perundang-an.

Selain itu, beliau berkata, KPKM juga perlu merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri.

Skandal beras campur terbongkar baru-baru ini selepas MARDI menedahkan kira-kira 40 hingga 50 peratus beras putih import daripada 5,000 sampel dianalisis disahkan bercampur dengan BPT.

Kajian menggunakan teknologi pencaparian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan 2024 dengan sampel beras diterima daripada pihak berkuasa iaitu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diambil daripada pengijang.

Analisis itu dilakukan bagi mengenal pasti hilangnya BPT di pasaran selaras dengan penubuhan Petugas Khas Operasi Bersepadu Beras Putih tempatan pada tahun 2023.

Sementara itu, Mohamad menjelaskan tiada peruntukan khusus yang jelas bagi membolehkan penindakan kesalahan beras campur di mahkamah mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan perundangan subsidi di bawahnya.



Tindakan mencampurkan beras putih tempatan bersama beras import bertujuan bagi memenuhi cita rasa pengguna tempatan selain untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran.

- Gambar hiasan

5/3/2025

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

11

Harga dijangka kekal RM40 sekilogram

# Hasil harumanis merosot 30 peratus akibat hujan

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**  
utusannews@mediamujalla.com.my

**PADANG BESAR:** Pengeluaran buah harumanis bagi musim yang bermula April depan dijangka merosot sebanyak 30 peratus disebabkan faktor cuaca iaitu hujan yang melanda sejak kebelakangan ini.

Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata keadaan cuaca diharap akan kembali panas selepas ini bagi membolehkan tanaman mengeluarkan bunga peringkat kedua dan ketiga yang dapat membantu bagi kelekatan putik.

"Pada peringkat awal, lebih 70 peratus tanaman harumanis di sekitar negeri ini berbunga, namun disebabkan hujan beberapa hari lepas, bunga tersebut tidak dapat menghasilkan putik yang lekat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tahun lalu, Perlis mencatatkan pengeluaran sebanyak 2,248 tan metrik buah harumanis dan tahun ini dianggarkan mencecah 3,000 tan metrik, namun, disebabkan oleh cuaca tidak menentu, hasil tahun ini mungkin mengalami pengurangan



**PENGELUARAN** harumanis musim ini bermula April depan dijangka merosot sehingga 30 peratus disebabkan faktor hujan sejak kebelakangan ini.

gan sehingga 30 peratus.

"Kami berharap agar pengeluaran tahun ini dapat mencecah sekurang-kurangnya jumlah sama seperti tahun lalu," katanya.

Hafizuddin berkata, diang-

garkan lebih 10 peratus pengeluaran harumanis di negeri ini mula membuat persiapan untuk membalut buah berkenaan bagi mengelakkan kerosakan akibat hujan berterusan.

"Biarpun cuaca menjadi

cabaran, kami tidak menerima rungutan daripada pengusaha, kecuali isu berkaitan cuaca, yang mana harga harumanis bagi gred premium dijangka kekal pada kadar RM40 sekilogram," katanya.

# Timbus kaedah terbaik lupus ikan bandaraya



**Inisiatif elak spesies asing masuk ke sungai sekali gus kuasai sistem perairan**

**Oleh Noor Atiqah Sulaiman**  
nooratqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perikanan menasihatkan pemancing tidak melepaskan semua ikan bandaraya yang ditangkap ke dalam sungai atau kawasan lain, sebaliknya ikan asing itu perlu dilupuskan secara bertamam.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata ini kerana spesies ikan berkeenan kini mula menceroboh kawasan berpasir dan sungai bersih di negara ini.

Katanya, dalam usaha membendung permasalahan berkenaan, Jabatan Perikanan turut mempergiatkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Pemburuan Asing (SPIA) bagi menjalankan inventori perikanan darat di lokasi baharu yang mempunyai kualiti air bersih dan berpasir.

"Jabatan Perikanan (DOF) memandang serius isu peningkatan spesies ikan asing invasif

**Keratan akhbar BH, semalam.**



Satu tan ikan bandaraya ditangkap dalam sejam

bandaraya, kita mohon kerjasama supaya ikan itu tidak dilepaskan semula ke perairan umum dan disarankan untuk dilupuskan secara bertamam, katanya kepada *BH*, semalam.

## Timbul Kembalikan

Sebelum ini, *BH* melaporkan terdapat kebimbangan mengenai ikan bandaraya apabila ia kini mula menceroboh kawasan air terjun dan sungai jernih berpasir.

Pengasas Komuniti Pemburuan Ikan Bandaraya (KPBB) dan SPIA, Mohamad Haziq A Rahman dilaporkan berkata, dapat terbaru itu ditemui di kawasan Sungai Buloh dan mungkin memberi risiko kepada orang ramai.

"Populasi ikan ini mungkin boleh juga menyebabkan kemandangan jiwa kerana tebing sungai terbakis dan runtuh disebabkan spesies ini.

"Apabila runtuh akan ber-

lakunya banjir, rumah yang berada di tebing sungai juga boleh runtuh," katanya.

Mengulas cara terbaik melupuskan ikan bandaraya, Adnan berkata ia adalah dengan menimbunya ke dalam tanah.

"Secara kebiasaannya ikan bandaraya yang ditangkap itu akan dibuang di tebing sungai. Jika hanya dibuang di atas tebing, ada kemungkinan untuk ikan ini terlepas masuk ke dalam sungai semula.

"Jika dibuang di atas daratan sekalipun, ikan ini mampu bertahan untuk tempoh masa agak lama berbanding ikan lain. Malah, mengeluarkan ikan bandaraya dari dalam sungai tidak menjamin yang spesies itu akan mati.

"Ini kerana ikan bandaraya memiliki daya tahan tinggi dan mampu hidup dalam air kotor dan persekitaran tercemar.

"Oleh itu, cara terbaik menghapuskan ikan bandaraya adalah dengan menggali lubang

dan menimbus dalam tanah sekali gus ia tidak dapat melepaskan diri untuk kembali ke sungai," katanya.

Beliau berkata, tahun ini pelbagai inisiatif akan diadakan dalam membendung pencerobohan ikan asing di perairan negara.

"Pejabat Perikanan Negeri perlu merangka program dan aktiviti bersama NGO dengan pembabitin agensi atau syarikat bagi membantu memberi kesedaran kepada orang awam.

"Pada tahun ini juga kita akan melaksanakan program Pemburuan Baung Ekor Merah di empat negeri iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.

"DOF mengajak pemancing yang berminat untuk menyertai pemburuan baung ekor merah dan ikan bandaraya. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pejabat Perikanan Negeri," katanya.

**Kehadiran ikan asing invasif ini termasuk ikan bandaraya dan spesies lain seperti ikan peacock bass (Cichla spp) memberi ancaman besar terhadap ekosistem semula jadinya**



**Adnan Hussain,**  
Ketua Pengarah Perikanan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2025	THE STAR	NATION	3

# Padi farmers lose RM250k to salt water

**MELAKA:** Eight padi farmers in Klebang lost approximately RM250,000 after their farms and crops were contaminated with salt water that was pumped into their padi fields from the nearby Sungai Malim.

Klebang assemblyman Datuk Lim Ban Hong said the affected padi fields spanned 10.12ha in Pulau Gadong and Stulang Daeng.

He said the incident, which occurred over three weeks ago, forced affected farmers to cease planting padi for two seasons, resulting in around 60 metric tonnes of rice being unable to be harvested.

Farmer Lee Leng Sin, 66, said 2.02ha of his 4.05ha padi field in Pulau Gadong was unaffected by the salty water.

He described the incident as the worst he had experienced in his 40 years of farming, with half of his land damaged.